

## **MAJLIS MOU DOKUMEN KONTRAK PEMBANGUNAN FASA DUA A UNIVERSITI MALAYSIA SABAH, DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN CHASE PERDANA**

### **Senario Pembangunan Kampus UMS**

Sejarah kewujudan UMS adalah hasil cetusan dan keprihatinan pihak kerajaan di bawah pimpinan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed, Perdana Menteri Malaysia dalam memajukan pendidikan negara khususnya di negeri Sabah. Manifestasi dan kesungguhan pihak kerajaan dapat dilihat dengan kewujudan UMS secara rasmi pada 24 November 1994 sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang kesembilan.

Minat dan keprihatinan YAB Perdana Menteri Malaysia terhadap UMS untuk terus maju dapat dilihat melalui penglibatan beliau secara langsung dalam beberapa aktiviti bersejarah UMS, iaitu:

- Upacara pecah tanah kampus tetap UMS pada 28 November 1995.
- Lawatan rasmi ke kampus tetap UMS pada 19 Februari 1999.
- Upacara perasmian kampus tetap UMS pada 19 September 2000.

Selain itu, sejarah manis UMS ditambah lagi dengan penganugerahan ijazah kehormat doktor falsafah kepada Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Syah Al-Haj pada 22 Ogos 2001.

UMS kini berusia lapan tahun dan pembangunan pesat kampus ini telah mendapat perhatian dan pujian daripada pelbagai pihak. Pujian ini bukan sahaja disebabkan oleh keindahan kampusnya, tetapi juga keupayaan pihak pembangun kampus ini membangunkannya mengikut jadual yang telah ditetapkan. Inilah antara projek terbesar kerajaan yang berjaya dilaksanakan mengikut jadual pembangunan yang telah ditetapkan.

Kini, UMS mempunyai populasi pelajar seramai lebih 8,000 orang termasuk di Kampus Antarabangsa Labuan. Tenaga pengurusan, akademik, pentadbir dan kakitangan sokongannya pula melebihi 800 orang. UMS kini telah menawarkan sebanyak 53 program pengajian dalam pelbagai bidang dan telah menghasilkan *human capital* atau graduan seramai 2,485 orang melalui tiga majlis konvokesyen yang diadakan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Insya-Allah, saya difahamkan tahun hadapan UMS akan menggunakan dewan konvokesyennya sendiri.

Sesungguhnya dengan kewujudan UMS sebagai IPTA kesembilan ini telah membantu negara dalam membekalkan sumber tenaga manusia yang profesional sejajar dengan kehendak dan aspirasi wawasan negara.

### **Kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR)**

Terima kasih di atas kerjasama dan bantuan padu pihak JKR selama ini yang telah menjadi tunggak utama pembangunan fizikal kampus UMS. Juga kepada Syarikat Syabas Hakikat sebagai ketua kontraktor pembangunan fizikal kampus UMS.

Saya percaya, keyakinan kerajaan dan masyarakat terhadap keupayaan JKR sebagai badan penggerak pembangunan negara memang tidak dapat dinafikan lagi. Apatah lagi dengan kejayaan pembangunan kampus UMS yang begitu pesat dan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Syabas!

### **Fasa Pembangunan Kampus**

Pembangunan Fasa Satu UMS kini telah siap sepenuhnya dan menelan belanja lebih kurang RM1.4 billion. Ini melibatkan dua fasa pembangunan iaitu Fasa Satu A dan Satu B, Fasa Satu A melibatkan:

- Sekolah Sains dan Teknologi (SST).
- Dewan Kuliah Pusat.
- Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).
- Sekolah Sains Sosial (SSS)
- Sekolah Pemiagaan dan Ekonomi (SPE).
- Bangunan Pentadbiran.
- Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM).
- Asrama pelajar.
- Kompleks Sukan.
- Kompleks PALAPES.

Fasa Satu B pula melibatkan:

- Perpustakaan.
- Pusat Kesihatan.
- Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS).
- Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP).
- Pusat Perkhidmatan Pelajar.
- Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB).
- Masjid.

Pada hari ini, kita akan menyaksikan Majlis Menandatangani Dokumen Kontrak Pembangunan Fasa Dua A UMS di antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh JKR dengan pihak kontraktor, iaitu Chase Perdana Berhad. Pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM410 juta untuk projek ini. Projek Pembangunan Fasa Dua A ini melibatkan:

- Dewan Besar.
- Sekolah Pengajian Seni (SPS).
- Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA).
- Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP).
- Sekolah Perubatan.
- Stor Pusat.
- Padang Bola ( dua buah).
- Padang Hoki.

### **Harapan dan Penghargaan**

Semoga Projek Fasa Dua A ini akan lebih sistematik dan mengikut rancangan yang telah ditetapkan. Saya difahamkan projek ini akan siap sepenuhnya pada tahun 2004. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg Dato' Ir. Zaini, Ketua Pengarah JKR Malaysia, yang telah memberikan komitmen dan pemantauan berterusan terhadap pembangunan fizikal kampus ini.

Juga kepada Kerajaan Negeri Sabah yang sentiasa memberikan sokongan terhadap pembangunan UMS. Semoga pembangunan kampus ini akan menjadi kebanggaan dan khazanah berharga bagi seluruh masyarakat Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berprestij.

---

*Ucapan di Majlis MoU Dokumen Kontrak Pembangunan Fasa Dua A Universiti Malaysia Sabah, diantara Kerajaan Malaysia dengan Chase Perdana pada 18 Julai 2002.*